

DUNIA PENGETAHUAN



Roket Dan Sejarah Wujudnya

Nampaknya manusia mulai terasa bahawa bumi ini sudah menjadi sempit kepadanya, lalu dia mencari-cari jalan hendak menguasai udara pula.

Sudah berkurun-kurun lamanya manusia hendak menjayakan cita-citanya ini dengan jalan mimpi dan khayal. Ia pun menghalakan usahanya kepada melihat-lihat dan meneropong bintang-bintang, menghitung banyaknya, mengikuti peredarannya, memberi nama kepadanya dan cuba hendak mengetahui jarak jauh dari bumi tempat tinggalnya.

Ahli-ahli dan pakar-pakar ilmu pengetahuan sudah lama juga mengeluarkan belanja-belanja yang banyak untuk mendirikan tempat-tempat meneropong bintang dan membuat teropong-teropong pembesar untuk melihat dan menyelidik akan rahsia alam yang tinggi itu. Ahli-ahli pengetahuan tidak juga berpuas hati dengan cara dan alat-alat yang tersebut, dan kemudiannya pula meletus Peperangan Dunia yang Kedua yang di dalamnya ahli-ahli pengetahuan Jerman telah berjaya mencipta bom-bom terbang dan roket-roket terbang.


Beberapa persidangan akhbar telah diadakan oleh Von Braun, ahli pengetahuan Jerman dan di dalamnya telah dinyatakan fikirannya tentang pengembaraan ke bulan dengan cara penjelasan yang mudah. Ia juga telah menunjukkan kepada wartawan-wartawan akan contoh roketnya yang telah selesai direkannya. Memang semenjak dahulu lagi, sebilangan besar daripada ahli-ahli fikir dan pengarang-pengarang cerita telah cuba membayangkan suatu pengembaraan ke bulan,

lalu mereka mengadakan cerita-cerita khayal dan buku-buku ilmu pengetahuan yang memperikan hal itu. Dalam pada itu telah nyata bahawa semakin ahli-ahli pengetahuan mengetahui rahsia-rahsia alam yang tinggi itu (lapangan udara dan isinya) semakin bertambah iman mereka tentang wujudnya Tuhan Maha Pencipta. Mereka yakin bahawa susunan peraturan (undang-undang alam yang kemas (rapi yang di atasnya terletak perjalanan kumpulan bintang-bintang di langit, tiadalah boleh terjadi dengan begitu sahaja, dan bahawa tak dapat tiada tentulah ada suatu kuasa yang luar biasa di sebalik susunan peraturan dan undang-undang tersebut, iaitulah kuasa Allah *al-Khāliq* yang menjadikan seluruh alam dan diaturnya perjalanannya dengan cara yang luar biasa, yang manusia lemah hendak mengetahui hakikatnya.

Adapun roket yang menjadi mauduk makalah ini ialah suatu alat pesawat yang bergerak dengan tenaga kekosongannya. Perbezaannya yang besar di antara kapal terbang biasa dengan roket ialah gerak kipasnya. Pada kapal terbang, kipasnya itu berpusing dengan berkekalan sepanjang masa kapal terbang itu melayang di angkasa, sedang kipas roket berpusing laju ketika roket itu naik ke udara kemudian dia melanjutkan perjalanannya dengan rupa turun biasa ke bumi seolah-olah dia peluru meriam. (atau dengan lain-lain perkataan ia akan naik terus dengan rupa tegak ke atas.)

Sebelum tahun 1920, Dr Goddard, ahli

pengetahuan Amerika, telah memulai percubaannya dengan membina roket yang awal pertama. Pada tahun itu telah tersiar laporan mengenai percubaannya itu. Enam tahun kemudian, ia telah menembakkan roketnya bergerak dengan bahan-bahan pembakaran yang cair. Pada tahun 1929 ia telah menembakkan roketnya yang kedua. Percubaan Dr. Goddard itu telah berjalan terus-menerus. Pada 1935 ia telah berjaya menembakkan sebuah roket yang telah naik ke udara setinggi 13 ribu kaki, dan lajunya telah melebihi 700 batu sejam. Ahli pengetahuan dunia ini telah meninggal dunia pada tahun 1945.



Agama Islam telah diisytiharkan menjadi agama rasmi negara Persekutuan Tanah Melayu yang telah berjaya mencapai kemerdekaannya pada 3 Ogos 1957 oleh itu jangan berlengah-lengah lagi daripada memasuki barisan persahabatan “Ikhwan” yang bercita-cita dan sedang berusaha mengembangkan Islam dan kebudayaannya.

Apa sebabnya?

Surat khabar Times, New York Times dan Newsweek telah diisytiharkan diharamkan oleh kerajaan Indonesia. Sebabnya boleh jadi kerana tulisannya. Adakah tulisan di dalam Times 24 Februari 1958 menjadi sebab ia diharamkan? Bacalah dibawah ini apa kata Times itu:

“Dalam masa kesibukan di Indonesia, Presiden Sukarno adalah orang yang paling lapang. Di Tokyo, tempat persinggahannya yang akhir di dalam lawatannya ke seluruh Asia ia telah pergi menghadiri satu pesta Geisha di sebuah rumah yang bernama “Rumah Bulan” dan bertemu dengan kenalan lamanya seorang wanita jelita bernama Keiko Isozaki berumur 29 tahun yang dahulunya pernah datang ke Celebes dalam Perang Dunia yang Kedua untuk meraikan tentera Jepun di sana dan menjadi kenalan juga kepada Sukarno yang pada masa itu menjadi penyokong-penyokong Jepun. Keesokan harinya, Sukarno telah mengadakan satu majlis keraian di Imperial Hotel hingga jauh malam. Seorang pengiringnya menyatakan bahawa majlis keraian itu sangat meriah tetapi sekarang saya tidak berapa sihat. Keiko Isozaki, wanita rupawan itu telah pergi ke sebuah kedai dan membelikan Sukarno sebuah korek telinga emas 24 karat berukir dengan nama Sukarno. Hadiah seperti ini di Jepun ialah sebagai satu tanda “sahabat yang sangat akrab”.

Orang tanya kepada Qalam bagaimana?

Jawabnya: *No komen!*